

Oleh Sri Ayu
Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia mencatatkan kes harian tertinggi apabila 5,725 kes baharu Covid-19 direkodkan semalam, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes dalam negara menecah 203,933 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 5,718 kes penularan tempatan manakala tujuh lagi kes import.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu 3,126 kes (54.6 peratus). Daripada jumlah itu, 2,559 kes (81.9 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 687 kes (12.0 peratus) dan Johor 684 kes (11.9 peratus).

"Sebanyak 419 kes (7.3 peratus) dilaporkan pula berkaitan kluster di lokap, depot tahanan imigresen dan penjara membabitkan Kluster Jalan Harapan (224 kes), Kluster Penjara Jalan Sungai Jelok (116 kes), Kluster Tembok Renggam (45 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (16 kes), Kluster Tembok Mempaga (11 kes), Kluster Tembok Taiping (5 kes) dan Kluster Tembok Bukit Besi (2



JANGKITAN HARIAN CATAT REKOD BAHARU

KES LEPASI 200,000

ANGGOTA Bomba dan Penyelamat Negeri Johor lengkap memakai pakaian perlindungan peribadi (PPE) bergambar sebelum melakukan semburan sanitasi di kawasan kenderaan berat sekitar Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di Gelang Patah, Johor Bahru, semalam.

kes)," katanya.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, 3,423 kes pulih dilaporkan hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah 157,722 kes.

Menurutnya, sehingga kini 301 pesakit Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk 115 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, ada pertambahan 16 kematian direkodkan menjadikan jumlah kumulatif kematian di Malaysia 733 kes atau 0.36 peratus daripada keseluruhan kes.

"Kes kematian hari ini dilaporkan di Selangor (9), Sabah (2) dan masing-masing satu kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sarawak, Melaka, Kelantan,

dan Perak.

"Semua kes kematian terbabit membabitkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka," katanya.